



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : MPU3212 Bahasa Kebangsaan A
Semester & Year : January – April 2022
Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
 2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
 3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
 4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 10 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

| | |
|-----------------|---|
| SOALAN 1 | : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH) |
| ARAHAN | : Jawab semua soalan di bawah ini. |

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, integriti bermaksud kejujuran. Integriti juga boleh ditakrifkan sebagai keutuhan. Sebenarnya integriti itu adalah keseluruhan pembawaan kita dari segi peribadi, akhlak, tutur kata dan sopan santun. Integriti berasal daripada bahasa Inggeris yang lebih kurang maknanya, iaitu berpegang teguh kepada prinsip kejujuran serta mempunyai prinsip moral yang tinggi.

Integriti perlu dipupuk dalam diri setiap individu bagi melahirkan insan yang bertanggungjawab dalam setiap perlakuan. Individu yang berintegriti akan tetap mematuhi peraturan walaupun di kala lampu merah menyala dan tiada sesiapa di situ kecuali diri anda sendiri pada jam dua pagi. Hal ini kerana takrif integriti memerlukan individu bertingkah laku berdasarkan prinsip moral dan nilai-nilai etika, tanpa mengambil kira sama ada dilihat ataupun tidak. Justeru, untuk menjadi manusia yang berintegriti memerlukan seseorang individu itu menjadi manusia yang bermoral dan beretika dalam semua aspek kehidupan pada setiap masa.

Dalam aspek tadbir urus dan pentadbiran organisasi misalnya, keruntuhan integriti menyebabkan berlakunya pelbagai kepincangan seperti peningkatan amalan rasuah dan pecah amanah. Tidak kira sama ada dalam organisasi awam maupun swasta, pemegang jawatan ataupun pekerja yang tidak memiliki integriti diri yang tinggi akan sentiasa mencari peluang untuk melakukan penyelewengan demi kepentingan peribadi, tanpa memikirkan implikasi perbuatan mereka terhadap imej organisasi dan negara.

Dalam aspek pendidikan pula, tindakan oleh individu-individu tidak berintegriti **boleh mencemar kesucian** bidang yang sangat penting untuk membangunkan modal insan negara ini. Perbuatan-perbuatan seperti melakukan plagiat, memanipulasi kelayakan akademik, dan sebagainya bukan sahaja akan menjejaskan reputasi si pelakunya, tetapi juga boleh mengakibatkan kualiti sistem pendidikan negara di semua peringkat dipertikaikan secara keseluruhan. Natijahnya, persekitaran pendidikan yang seharusnya merupakan lapangan untuk menerapkan nilai moral dan etika yang tinggi dalam diri generasi muda negara, hari ini turut dinodai oleh perbuatan golongan individu tertentu yang tidak berintegriti.

Dalam konteks kepimpinan, integriti menjadi teras yang sangat penting untuk dijadikan asas penilaian kepada keberkesanan barisan kepimpinan semasa dalam apa jua situasi. Sejarah peradaban manusia telahpun menunjukkan bahawa terlalu banyak contoh yang menunjukkan kejatuhan pemimpin yang tidak berintegriti. Tuntasnya, integriti pemimpin yang boleh dipersoal akan menyebabkan integriti organisasi atau kumpulan manusia yang dipimpinnya turut dipertikaikan. Pada masa sama, dilema yang dihadapi oleh para pengikut adalah sejauh mana perlunya mereka untuk terus taat dan setia kepada pemimpin yang memiliki integriti diri yang meragukan.

Kesimpulannya, membentuk diri untuk menjadi seorang individu yang berintegriti bukanlah sesuatu yang mudah. Namun, setiap individu yang inginkan kelangsungan kehidupan yang cemerlang pada masa hadapan perlu berusaha sedaya mungkin untuk memperkuuh integriti diri sendiri dan individu-individu di bawah tanggungjawab masing-masing.

Sumber: Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Masyarakat,
Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Malaysia (2019)

1. Berdasarkan petikan tersebut, apakah yang dimaksudkan dengan boleh mencemar kesucian? **(2 markah)**
2. Seterusnya, nyatakan **EMPAT (4)** kesan apabila seseorang individu itu tidak mempunyai integriti berdasarkan petikan yang sama. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah **DUA (2)** cara yang boleh dilakukan untuk menerapkan nilai integriti dalam kalangan remaja? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan sajak di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Membaca Gaya Wawasan

Awal suruhan ialah membaca
Menuntut ilmu disuruh budaya
Inilah teladan sepanjang masa
Gayakan hidup dengan membaca

Apalah nama andai tanpa ilmu
Apalah mahkota permataanya palsu
Tanpa membaca caci tlah minda
Tanpa ilmu ke manalah kita

Jika ilmu penuh di dada
Bila bergaya dengan membaca
Dunia sempit menjadi luas
Tempah kejayaan tiada terbatas

Negara kecil tinggi martabat
Kerana ilmu, negara berdaulat

Mari kawan kita membaca
Mari rakan, timba ilmu dengan membaca
Inilah perjuangan, sambutlah seruan
Jadikan membaca gaya wawasan

1. Berdasarkan petikan di atas, berikan maksud **tinggi martabat**. **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan ini, nyatakan **EMPAT (4)** kebaikan amalan membaca. **(4 markah)**
3. Mengapakah remaja tidak berminat untuk mengamalkan budaya membaca?
Nyatakan **DUA (2)** pendapat anda. **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- a) Tulis ayat berdasarkan setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- I. pengeluaran **(2 markah)**
- II. mengeluarkan **(2 markah)**
- III. dikeluarkan **(2 markah)**
- IV. terkeluar **(2 markah)**
- V. keluaran **(2 markah)**

(10 markah)

- b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- i. Malaysia wajar membangun destinasi berasaskan hutan lipor untuk aktiviti pelancongan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- ii. Beliau telah memisyiharkan bahawa silat sebagai seni mempertahankan diri resmi negara.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- iii. Tanaman herba dapat membantu untuk mengaleh pandangan masyarakat supaya tidak digantung pada ubat-ubatan moden yang mempunyai banyak kesan sampingan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- iv. Perdana Menteri telah berusaha menghidupkan seni batik dengan mengarahkan kaki tangan awam mempakai baju batik pada setiap hari Khamis.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- v. Pada masa ini, kita perlu bersatu hati dan mengberikan kerjasama kepada pihak yang berauthoriti seperti petugas barisan hadapan negara.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2**ARAHAN****: SOALAN ESEI (30 MARKAH)**: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Rumah setinggan sememangnya sesuatu yang tidak asing lagi dalam kalangan rakyat Malaysia. Pelbagai masalah melibatkan keselamatan, nyawa dan harta benda juga kerap terjadi. Hal ini terjadi disebabkan oleh pelbagai faktor. Bincangkan pendapat anda.

ATAU;

2. Seni mempertahankan diri merupakan satu bentuk gerak badan secara fizikal yang digunakan untuk melindungi diri daripada musuh. Perkembangan teknologi hari ini telah menyebabkan seni mempertahankan diri semakin tidak dipedulikan.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan mempelajari seni mempertahankan diri kepada kita?

ATAU;**Bahasa Jiwa Bangsa**

Gunakanlah bahasa kebangsaan kita
Marilah amalkan ramai-ramai
Bahasalah menyatukan kita semua
Yakinlah bahasa jiwa bangsa
Marilah mari rakyat semua
Buktikan taat setia dengan satu bahasa
Maju bangsa dan maju Negara
Megahkan bahasa kita
Bahasa jiwa bangsa

3. Sebagai respons terhadap lirik lagu di atas, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pengantar pendidikan. Huraikan kepentingan-kepentingan mempelajari bahasa Melayu.

(30 markah)**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**